

BULETIN KUALITI

JANUARI / JUN 2021

PENSIJILAN ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS) ISO 37001

Mesyuarat Jawatankuasa Khas
Kabinet Mengenai Anti Rasuah
(JKKMAR) Siri 14 telah memutuskan
semua Ketua Jabatan perlu
mendapatkan Pensijilan Anti-Bribery
Management System (ABMS) ISO
37001



KUALITI

ANTI BRIBERY
MANAGEMENT SYSTEM

m/s 7

KESELAMATAN & KESIHATAN

AKTA PEMATUHAN SOP
COVID 19

m/s 10

ANUGERAH DAN INOVASI

HEBAHAN AMALAN EKSA
JKR MALAYSIA EDISI KEDUA

m/s 27

SIDANG **REDAKSI**ISI **KANDUNGAN****PENASIHAT**

Leftenen Kol Bersekutu (PA) Hj. Abdul Rani bin Harun

KETUA EDITOR

Ashrif bin Abd Jalil

EDITOR BERSAMA

Nor Azian binti Muhamad Azizan
 Noor Hafiza binti Dahalim
 Ai'nun Bashirah binti Hamid

SIDANG EDITORIAL

Nur Azlina binti Sapuan
 Shahrom Darmawan bin Mohd Yunus
 Mohd Rusydan bin Shaharuddin
 Nur Syahirah binti Abd Talib
 Amira Najwa binti Mohamed Nor
 Mohd Asri bin Zainol
 Saniza binti Mohamad Saleh
 Ir. Siti Sarah binti Ibrahim
 Sharifah Nur Auni binti Syd Fauzinor
 Ahmad Termizi bin Mat Arshat
 Nazhatul Syazwanee binti Jajuli
 Iftah binti Yaakob
 Siti Safiah binti Ismail
 Noor Afiqah binti Misrun



www.jkr.gov.my/spb



www.facebook.com/jkr.malaysia


<https://twitter.com/@JKRMalaysia>
https://twitter.com/@BPK_CDPK

| | |
|--|-------|
| Dari Meja Pengarah..... | 2 |
| Bicara Ketua Bahagian..... | 2 |
| Program Kualiti..... | 3-8 |
| Program Kesihatan dan Keselamatan..... | 9-18 |
| Program Anugerah dan Inovasi..... | 19-26 |
| Lensa Pejabat..... | 27-28 |



*"Quality means doing it right
 When no one is looking"*

-Henry Ford-

**DARI MEJA
PENGARAH**

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, saya memanjangkan kesyukuran kehadiran Ilahi kerana dengan izinNya, dapat kita bertemu lagi untuk berkongsi ilmu dan maklumat dalam Buletin Kualiti, CDPK bagi Edisi Jan-Jun 2021.

Sekalang tahniah diucapkan kepada warga Bahagian Pengurusan Kualiti yang terlibat dalam penghasilan Buletin Kualiti yang amat bermakna ini.

Kualiti telah ditakrifkan dalam pelbagai maksud dan frasa. Walau apapun definisi yang digunakan, sesuatu penghasilan atau produk yang berkualiti harus menjurus kepada kepuasan pengguna, pelanggan atau 'stakeholders' yang berkaitan.

Dalam era revolusi IR 4.0 kini, kita sewajarnya menjadikannya sebagai satu cabaran untuk memanfaatkan teknologi dalam merealisasikan kualiti dalam kerja sehari-hari kita.

Adalah menjadi harapan saya, semoga penerbitan Buletin Kualiti Edisi Jan-Jun 2021 ini dapat memberikan manfaat dan pengetahuan berguna kepada warga kerja Jabatan Kerja Raya keseluruhannya di samping menyumbang ke arah pencapaian objektif kualiti JKR yang lebih cemerlang.

Dato' Ir. Haji Masri bin Baharuddin**Pengarah****Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat****Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Malaysia****BICARA KETUA
BAHAGIAN**

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kita dapat bersua kembali dalam buletin Kualiti meskipun berada dalam situasi pandemik yang mencabar pada masa kini.

Terlebih dahulu saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua warga JKR yang bersama-sama kami dalam membudayakan Sistem Pengurusan Bersepadu untuk menzahirkan produk yang berkualiti kepada pelanggan kita.

Harapan saya agar kita terus mengorak langkah ke arah penambahbaikan yang lebih istiqamah dari semasa ke semasa demi negara yang tercinta.

Lt. Col. Bersekutu (PA) Hj. Abdul Rani bin Harun**Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti****Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat****Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Malaysia**

*"Coming together is a beginning,
 staying together is progress
 and working together is success"*

-Henry Ford-



MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN (MKSP)

Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) JKR Malaysia Tahun 2020 telah diadakan pada 11 Mac 2021 di Bilik Mesyuarat Berlian, Menara Kerja Raya (Blok G), Ibu Pejabat JKR Malaysia.

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBhg Dato' Ir. Haji Mohamad Zulkefly bin Sulaiman, Ketua Pengarah Kerja Raya dan dihadiri secara hybrid, Kehadiran Pengarah Kanan secara fizikal dan Pengarah daripada JKR Cawangan dan Negeri secara dalam talian.

MKSP diadakan sekurang-kurangnya satu kali setahun mengikut Klausula 9.3 Manual Sistem Pengurusan Bersepadu bertujuan untuk Pengurusan Atasan JKR mengkaji semula keberkesanannya, kecekapan dan kesesuaian yang berterusan dalam pelaksanaan SPB.



MESYUARAT PELAKSANAAN QLASSIC, SHASIC DAN PRESTASI KONTRAKTOR DI JKR MALAYSIA

Tanggal 4 Mei 2021 bertempat di Aras 25, Menara Dato' Onn, Mesyuarat Pelaksanaan QLASSIC, SHASIC dan Prestasi Kontraktor JKR Malaysia telah diadakan bersama pihak CIDB Malaysia.

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBrs. Megat Kamil Azmi bin Megat Rus Kamarani iaitu Timbalan Ketua Eksekutif II CIDB Malaysia dihadiri oleh Pengarah Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat, wakil dari Kementerian Kerja Raya, Bahagian Pengurusan Kualiti dan Bahagian Pengurusan Perubahan dan Prestasi.

Objektif mesyuarat adalah untuk menyelaras pelaksanaan QLASSIC, SHASIC dan Prestasi Kontraktor JKR Malaysia. Semoga jalinan kerjasama di antara JKR Malaysia dan CIDB berterusan.




MESYUARAT PENYELARAS SPB JKR MALAYSIA SIRI 1

Mesyuarat Penyelaras SPB JKR Malaysia Siri 1/2021 telah diadakan pada 31 Mac 2021. Mesyuarat Penyelaras SPB JKR Malaysia ini adalah yang pertama kali diadakan bagi membina kerjasama yang erat antara urus setia induk SPB dan semua Penyelaras SPB JKR Malaysia.

Tujuan mesyuarat ini diadakan juga adalah bagi memberi pendedahan kepada penyelaras SPB berkenaan peranan dan tugas selaku penyelaras SPB di peringkat Cawangan & Negeri, serta sebagai medium untuk memberi input-input semasa dan menyampaikan hasrat pengurusan atasan.

**LAWATAN PENANDA ARAS PELAKSANAAN ANTI-BRIBERY
MANAGEMENT SYSTEM DI LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA
(LLM) DAN AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)**



Pada 27 dan 28 April 2021, JKR telah mengadakan Lawatan Penanda Aras Pelaksanaan *Anti-Brabery Management System* (ABMS) di LLM dan MOA.

Lawatan ini disertai oleh Bahagian Pengurusan Kualiti, Bahagian Integriti dan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, CDPK bertujuan untuk mendapatkan idea dan memberi pendedahan berkaitan pelaksanaan ABMS oleh agensi yang telah mendapat pensijilan.



LAWATAN PENANDA ARAS PELAKSANAAN SPB DARI JPS MALAYSIA KE IBU PEJABAT JKR MALAYSIA



Pada 1 April 2021, Pengarah Kanan Sektor Pengurusan, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia diketuai oleh YBrs. Tuan Ir. Haji Azmi bin Ibrahim dan delegasi JPSM Malaysia telah mengadakan lawatan ke Ibu Pejabat JKR Malaysia bagi Lawatan Penanda Aras Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB) di JKR Malaysia.

Kunjungan telah disambut oleh Pengarah CDPK, Ybhg.Dato' Ir. Hj.Masri bin Baharuddin selaku tuan rumah dengan sesi interaksi di Bilik Mesyuarat Berlian Aras 2,Blok G.

Lawatan ini diadakan bagi tujuan perkongsian ilmu dan saling bertukar pandangan berkenaan pelaksanaan SPB JKR sekaligus dapat membantu JPS untuk merancang pembangunan dan pelaksanaan Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB) di JPS Malaysia kelak.

Dengan adanya lawatan ini, diharap JKR dan JPS dapat menjalinkan satu kerjasama yang erat dalam pengurusan kualiti dan pelaksanaan projek infrastruktur negara pada masa akan datang.

TAHUKAH ANDA?



Pada 19 April 2021, Mesyuarat Jawatan Kuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) Siri 14 telah memutuskan supaya semua Ketua Jabatan hendaklah mendapatkan Pensijilan Anti-Bribery Management Systems (ABMS) ISO 37001 bagi kementerian/jabatan/kerajaan negeri masing-masing pada tahun 2021.

Selaras dengan arahan tersebut, JKR telah menubuhkan Jawatan Kuasa Pelaksanaan Pensijilan ABMS yang diterajui oleh Bahagian Pengurusan Kualiti sebagai Urus setia SPB Induk bagi memastikan JKR mendapatkan pensijilan sebagaimana saranan kerajaan.

Pelaksanaan dan Pensijilan ABMS di JKR merupakan langkah yang baik dan sebagai pemangkin untuk menerapkan nilai-nilai murni kepada warga JKR dalam usaha JKR untuk menjadi sebuah organisasi yang bebas dari salah gunakuasa, salah laku, penyelewengan dan rasuah.



ISU DAN CABARAN RASUAH

- Gaya hidup di luar kemampuan
- Sikap tamak dan haloba
- Wujudnya peluang dan ruang untuk melakukan perbuatan rasuah
- Tahap integriti yang rendah dalam kalangan pegawai



Kursus Asas Auditor SPK telah diadakan di CREaTE pada 30-31 Mac 2021. Penceramah yang dilantik adalah pegawai JKR yang berpengalaman luas dalam melaksanakan audit SPK. Peserta yang hadir secara fizikal adalah seramai 14 orang.

Kumpulan sasaran bagi menghadiri kursus ini adalah bagi pegawai JKR yang berminat untuk dilantik menjadi auditor dalam bagi SPK ISO 9001:2018.



Kursus ini telah diadakan pada 9 Jun 2021 secara dalam talian yang bertujuan untuk memberi pendekatan dan pengetahuan kepada pasukan-pasukan projek terpilih berkenaan QCLASSIC dan kriteria penilaian terlibat oleh pihak CIDB Malaysia.



ROADSHOW

SPKKP KELUARAN 06
ZON UTARA



SIRI 1



SIRI 2



Tujuan pelaksanaan Roadshow SPKKP diadakan adalah untuk **memberi penerangan** dengan terperinci berkenna perubahan dokumen Sistem Pengurusan Keselamatan dan Keshihatan Pekerjaan (SPKKP) berdasarkan ISO 45001:2018.

Siri 1 telah diadakan pada 3 Februari 2021 secara online yang melibatkan penyertaan seramai 60 orang dari JKR Perlis, JKR Kedah dan JKR Pulau Pinang.

Pada 1 Mac 2021 pula, seramai 80 orang peserta dari JKR Perak, Kawangan Jalan dan Pasukan Projek Khas 1 (PPK1) menyertai roadshow secara dalam talian bagi Siri 2.



PEMATUHAN SOP PENCEGAHAN COVID-19 (AKTA 342)



1. Returang matlamat Surat Mesyuarat Dikemaskini Pengurusan Kualiti, Cawangan JKR Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada tarikh 03/02/2021 bersifat sementara.
 2. Kertasmasa dan perihal 100 projek yang diluluskan oleh JKR Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebelum 23 Februari 2021.
 3. Teks berikut:
- "PERKHIDMATAN RAKYAT DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT"**
- YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuanku Puan,
Dewan Pengurusan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit Untuk Negara
- Dengan segala hormatnya menjelaskan perkara di atas,
2. Adab ditemahkam bahwa pejabat ini ingin mengambil perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuanku Puan dan Dewan Pengurusan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit Untuk Negara dan para ahli jawatankuasa dan pengurusan setiap tapak bina yang diluluskan oleh agensi pengurusan dan pengawalan Pejabat Pengurusan atau Pengaroh Projek (PP). Bersama-sama ini disertakan format pengisian Laporan Pengurusan COVID-19 Tapak Projek JKR Tahun 2021 seperti di Langgaran A.
3. Untuk maklumat YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuanku Puan, pelajaran tersebut adalah pada bagaimana pemantauan terhadap setiap projek untuk mengetahui status kes-kes COVID-19 dan mengambil tindakan sesuai dengan maklumat yang diberikan dalam Standard Operating Procedure (SOP) yang ditetapkan oleh ahli maklumat.
4. Bahagian YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuanku Puan selaku Pegawai Pengurusan Pengaroh Projek (PP) adalah dimotor untuk membuat semakan dan mengendalikan inisiatif dengan semasaaya serta memastikan projek-projek yang dilaksanakan adalah mengikut Standard Operating Procedure (SOP) COVID-19 di tapak bina yang telah ditetapkan oleh Majlis Kesatuan Negara (MK).

Akta 342 dinamakan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988, dan adalah terpakai di seluruh Malaysia.



PEMATUHAN PENGURUSAN PENGINAPAN PEKERJA (AKTA 446)



1. Capinan mula dijalankan pada 22 Julai 2019.
 2. Dibentuk unit kerja khusus untuk mengawal dan mengawas operasi dan aktiviti yang berkaitan dengan penginapan pekerja.
 3. Teks berikut:
- "PERKHIDMATAN RAKYAT DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT"**
- YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuanku Puan,
Dewan Pengurusan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit Untuk Negara
- Dengan segala hormatnya menjelaskan perkara di atas,

Penggunaan Laporan Pematuhan menggunakan pakai borang Lampiran 2 dan Lampiran 3

SO/PD perlu memastikan dan memantau kemudahan penginapan pekerja kontraktor di tapak mematuhi akta tersebut dari semasa ke semasa



PENEKANAN AKTA 446 DI SEKTOR PEMBINAAN



- Akta 446 (Pedoman Hidup dan Kerja di Binaan, Returang pada 15 Julai 2019 dan Dewan Negara pada 21 Julai 2019) senaraikan diwakilkan pada 18 Seperti 2019. Akta ini adalah akta yang berkaitan penyelidikan penyalahgunaan, penginapan dan kemudahan kebutuhan pekerja di majlis, semasa sektor. Kemudahan penginapan kepada pekerja perlu mempunyai peraturan tetapan bagi mengurangkan dan perbaiki maklumat diatas.
- Banyak kes laluat tapak bina telah dilulus di Kuala Lumpur, merupakan bahawa warga asing adalah golongan yang bereksiko untuk dijangkiti COVID-19. Budsaya mengingat sejarah berkenaan atau bersesak-sesak dalam satu rumah kelamin selain tapak kerja dan rumah, kerana pengukuran Akta 446 (Pindaan) 2019 dijangka akan dapat mencegah penularan walaupun penyakit selaras dengan seranan Syor 115 (Syor Perumahan Pakaja) 1991 Perhubungan (Bukti Antara).

Pematuhan majikan terhadap Akta 446 masih rendah



KURSUS AUDIT DALAM KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (KKP) PREMIS TAHUN 2021

Kursus Audit Dalam KKP Premis diadakan pada 2 Februari 2021 (Selasa) anjuran pihak CREaTE yang telah menggunakan platform aplikasi Google Meet sejajar dengan pembudayaan norma baharu sejajar dengan arahan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).



Kursus ini adalah untuk membantu peserta dalam melaksanakan audit KKP yang berkesan dengan memberi penekanan terhadap pelaksanaan audit premis. Melalui kursus ini juga, peserta akan didekah dengan kaedah pelaksanaan audit berdasarkan kepada pematuhan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP 1994), Akta Kilang dan Jentera (AKJ 1967) dan lain-lain akta yang berkaitan.

MESYUARAT SAFETY AND HEALTH REPRESENTATIVE (SHR) BIL.1/2021

Satu mesyuarat berkaitan *Safety and Health Representative (SHR)* telah diadakan pada 2 Jun 2021 yang dilaksanakan secara dalam talian dan dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Pengarah CDPK serta dihadiri oleh pegawai SHR yang dilantik oleh YBhg. Dato' KPKR. Mesyuarat ini diadakan bertujuan untuk memantapkan lagi pelaksanaan KKP di JKR Malaysia.



MESYUARAT

POST MORTEM AUDIT DALAM SPKKP BIL.2 TAHUN 2020



POST MORTEM AUDIT DALAM SPKKP BIL.2 TAHUN 2020

Mesyuarat Post Mortem Audit Dalam SPKKP Bil.2 Tahun 2020 telah diadakan secara dalam talian pada 23 Februari 2021 melibatkan penyertaan semua Ketua Pasukan Audit (KPA), Timbalan Ketua Pasukan Audit (TKPA) dan Juruaudit Dalam (JAD) yang telah melaksanakan Audit Dalam SPKKP Bil.2 Tahun 2020.

Tujuan pelaksanaan mesyuarat ini adalah bertujuan mendapatkan maklumbalas daripada semua Pasukan Audit yang terlibat sekiranya terdapat penambahbaikan yang perlu ditambahbaiki berdasarkan penemuan audit yang lalu agar pelaksanaan audit selepas ini dapat dilaksanakan dengan lebih efesien.

Pelaksanaan Audit Dalam SPKKP menggunakan ISO 45001:2018 telah melibatkan sebanyak 69 projek dimana 17 projek telah diaudit pada bulan Januari 2020 dan selebihnya sebanyak 52 projek telah diaudit pada bulan September hingga Oktober tahun 2020.

Pemakaian SPOSH buat pertama kalinya digunakan pada bulan Januari 2020 ke atas 17 projek terlibat bagi mengetahui tahap pencapaian pelaksanaan SPKKP bagi setiap projek berdasarkan kepada skop persijilan ISO yang baru.



MESYUARAT

PENYELARASAN SETIAUSAHA (S/U) JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN (JKK) PREMIS JKR MALAYSIA BIL.1/2021

Mesyuarat Penyelaras Setiausaha (S/U) Jawatankuasa Keselamatan Dan Kesihatan (JKK) Premis JKR Malaysia Bil.1/2021 telah diadakan pada 27 Januari 2021 di Bilik Mesyuarat Nilam 2, Aras 1, Blok G, Ibu Pejabat JKR. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Haji Abdul Rani bin Harun dan ahli mesyuarat yang hadir secara dalam talian adalah terdiri daripada pegawai JKR yang telah dilantik menjadi Setiausaha Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Premis JKR Ibu Pejabat, Wilayah, Negeri, Pusat Latihan CREaTE, KESEDAR mahupun Pasukan Projek Khas (Sabah) bagi tahun 2021 ini.



Mesyuarat Penyelaras S/U ini akan diadakan sebanyak 2 kali setiap tahun bagi membincangkan isu-isu berkaitan keselamatan dan kesihatan di premis.

Objektif Mesyuarat adalah bagi membincangkan perkara seperti berikut:

- ◊ Pematuhan Akta dan Pencapaian KPI Generik Tier 1;
- ◊ Persedian premis JKR bagi Audit Dalam dan Audit Penguatkuasaan JKPP;
- ◊ Pelaporan JKPP Premis JKR Malaysia
 1. pertama (Januari – Mac 2021),
 2. kedua (April – Jun 2021),
 3. ketiga (Julai – September 2021)
 4. keempat (Oktober- Disember 2021);
- ◊ Pelaporan JKPP 8. (Dihantar sebelum 31 Januari setiap tahun dan sukuan pertama pelaporan wajib disertakan);
- ◊ Penyakit berjangkit Covid-19 bukan dari penyakit pekerjaan. (Lampiran 2 boleh dinyatakan jika berjangkit dari tempat kerja);
- ◊ Isu-isu berbangkit berkaitan KKP di premis JKR Malaysia.

Status pelaporan JKPP Premis JKR Malaysia akan dibentangkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Jabatan (JKJ) yang akan dihadiri pihak atasan JKR pada tahun 2021 ini.

PENYERAHAN KERUSI RODA BAGI KEGUNAAN KECEMASAN PENGHUNI MENARA KERJA RAYA (BLOK G)

Bahagian Pengurusan Kualiti (BPK) telah menyumbang kerusi roda bagi kegunaan semasa kecemasan bagi penghuni Blok G. Kerusi roda ini merupakan hasil sumbangan dari kutipan warga BPK.

Penyerahan dilakukan oleh Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti, Tuan Haji Abdul Rani bin Harun kepada Penggerusi JKPP Premis Blok G, Dato' Ir. Haji Masri bin Baharuddin dan seterusnya kepada Wakil Majikan CDPK Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Premis Blok G yang memegang Jawatankuasa Kecil Kebajikan dan Tindakan Kecemasan untuk tempoh sehingga tahun 2022 dan akan diberikan kepada Wakil Majikan cawangan lain yang akan memegang jawatankuasa kecil tersebut selepas 2 tahun.



LAWATAN TEKNIKAL KE TAPAK PROJEK TUN RAZAK EXCHANGE (TRX), KUALA LUMPUR BAGI PELAKSANAAN OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH IN CONSTRUCTION INDUSTRY MANAGEMENT (OSHCIM)

Lawatan teknikal diadakan pada 29 Mac 2021 melibatkan peserta daripada pegawai dan kakitangan BPK, CDPK serta pegawai OSHCIM Profesional dan Pilot Project Team.

Objektif lawatan adalah untuk memberi pendedahan kepada aspek pengurusan dan teknikal dalam pelaksanaan OSHCIM di tapak projek bermula dari peringkat perancangan/rekabentuk sehingga ke peringkat pembinaan serta menjalankan perkongsian ilmu dan pengalaman di antara sektor awam dan swasta.



MESYUARAT

POST MORTEM AUDIT DALAM SPKKP BIL.2 TAHUN 2020



Mesyuarat Post Mortem Audit Dalam SPKKP Bil.2 Tahun 2020 telah diadakan secara dalam talian pada 23 Februari 2021 melibatkan penyertaan semua Ketua Pasukan Audit (KPA), Timbalan Ketua Pasukan Audit (TKPA) dan Juruaudit Dalam (JAD) yang telah melaksanakan Audit Dalam SPKKP Bil.2 Tahun 2020.

Tujuan pelaksanaan mesyuarat ini adalah bertujuan mendapatkan maklumbalas daripada semua Pasukan Audit yang terlibat sekiranya terdapat penambahbaikan yang perlu ditambahbaik berdasarkan penemuan audit yang lalu agar pelaksanaan audit selepas ini dapat dilaksanakan dengan lebih efisien lagi.



Pelaksanaan Audit Dalam SPKKP menggunakan ISO 45001:2018 telah melibatkan sebanyak 69 projek di mana 17 projek telah diaudit pada bulan Januari 2020 dan selebihnya sebanyak 52 projek telah diaudit pada bulan September hingga Oktober tahun 2020. Pemakaian SPOSH buat pertama kalinya digunakan pada bulan Januari 2020 ke atas 17 projek terlibat bagi mengetahui tahap pencapaian perlaksanaan SPKKP bagi setiap projek berdasarkan kepada skop persijilan ISO yang baru.



MESYUARAT

PENYELARASAN KPA TKPA AUDIT DALAM KKP PREMIS



Mesyuarat ini telah diadakan pada 26 Januari 2021 (Selasa) yang dipengerusikan oleh Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti iaitu Tn. Haji Abdul Rani Bin Harun .

Mesyuarat adalah bertujuan untuk membincangkan isu dan menyelaraskan perlaksanaan Audit KKP Premis yang di hadiri oleh Ketua Pasukan Audit (KPA) dan Timbalan Ketua Pasukan Audit (TKPA) Audit KKP Premis JKR Malaysia pada Tahun 2021.



MESYUARAT

PENYELARASAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (SPKKP) BIL.1/2021



Mesyuarat Penyelarasan SPKKP Bil.1/2021 dilaksanakan pada 9 Februari 2021 dan disertai oleh Unit Keselamatan & Kesihatan (UKK), BPK serta Penyelaras SPKKP JKR Cawangan/ Negeri/ Wilayah bagi pejabat SO/ PD yang menyelia projek pembinaan kos kontrak melebihi RM20 juta.

Objektif pelaksanaan mesyuarat adalah untuk **memantau pematuhan akta dan peraturan** serta **pencapaian KPI Generik Tier 1**, pelaporan bulanan SPKKP : Borang JKR.PK(O).04B-2 dan Pelaporan Pelan Pengurusan Risiko (RMP) SPKKP secara sukuan juga membantu persediaan tapak projek dalam menghadapi penilaian Audit Dalam dan Luar.

PROJECT HEALTH CHECK SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN EKERJAAN (SPKKP) ISO 45001:2018 PROJEK: PEMBINAAN BANGUNAN TAMBAHAN TANAH MERAH, KELANTAN (REKA & BINA)



Lawatan ini dilaksanakan pada 23 – 24 Mac 2021 yang melibatkan pegawai dari Unit Keselamatan & Kesihatan (UKK), BPK dan Pasukan Projek Persekutuan Negeri (PPPN), JKR Kelantan.

Objektif lawatan adalah untuk memberi khidmat nasihat dan semakan dokumen berkaitan prosedur Pengurusan dan Operasi bagi SPKKP serta membuat siasatan terperinci berkaitan insiden kebakaran yang berlaku.

MESYUARAT

JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN
KESIHATAN (JKK) PREMIS MENARA KERJA
RAYA (BLOK G) BIL.1/2021



Pada tahun 2019, Audit Penguatkuasaan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) bagi premis Blok A - G telah mencapai 58.85% persamaan gred D. Hal ini yang telah dibincangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Jabatan (JKJ) dan keputusan Premis Blok A-G dibahagi kepada dua iaitu Premis Menara Kerja Raya (Blk G) dan Premis (A, B, C, D, E & F) bagi mencapai KPI Generik Tier 1 (KPKR).

Mesyuarat ini juga bagi mempertingkatkan lagi kecermerlangan pematuhan akta keselamatan dan kesihatan di cawangan masing-masing seterusnya memastikan keselamatan dan kesihatan penghuni Premis Menara Kerja Raya (Blok G).




KURSUS

ASAS SPKKP TAHUN 2021




Kursus Asas SPKKP anjuran pihak CREaTE telah diadakan pada 8 Jun 2021 (Selasa) secara dalam talian dan dihadiri seramai 60 orang peserta. Kebanyakan peserta terdiri daripada pegawai yang terlibat secara langsung dengan projek dan penyelaras SPKKP JKR Malaysia.

Kursus ini bertujuan membantu peserta dalam melaksanakan kaedah **Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (SPKKP)** yang berkesan bagi projek-projek JKR Malaysia. Melalui kursus ini juga, peserta akan didedahkan dengan perlaksanaan dan pematuhan SPKKP JKR Malaysia berdasarkan standard ISO 45001:2018 (*Occupational Safety and Health Management System*).



Sesi penerangan penggunaan **Scoring System For Project In Occupational Safety And Health (SPOSH)**



Sesi Kuiz diadakan bagi mengasah minda peserta serta menyalurkan maklumat- maklumat terkini KKP secara tidak langsung.

MESYUARAT

JAWATANKUSA INDUK EKSA
IBU PEJABAT JKR MALAYSIA
BIL.1/2021



Bahagian Pengurusan Kualiti, Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat telah mengadakan Mesyuarat Jawatankusa Induk EKSA Ibu Pejabat JKR Malaysia Bil.1 Tahun 2021 pada 31 Mac 2021 yang bertempat di Bilik Mesyuarat Berlian, Aras 2, Menara Kerja Raya (Blok G).



Mesyuarat ini dihadiri oleh Penghulu Bangunan dan Penyelaras Cawangan EKSA Ibu Pejabat JKR Malaysia bagi memantau pelaksanaan program EKSA bagi Tahun 2021 yang telah dirancang di peringkat cawangan masing-masing.

Tahun 2021 merupakan tahun yang penting memandangkan pensijilan EKSA Ibu Pejabat JKR Malaysia akan tamat dan Audit Pensijilan Semula akan dilaksanakan oleh pihak Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).



MESYUARAT

PENYELARASAN ANALISIS INDEKS
KEPUASAN KAKITANGAN (ESI) DAN
INDEKS KEPUASAN PELANGGAN (CSI)



Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk membentangkan cadangan Pelan Tindakan bagi Indeks Kepuasan Kakitangan (ESI) dan Indeks Kepuasan Pelanggan (CSI) berdasarkan analisis pelaporan dari Tahun 2018 hingga Tahun 2020.



Tahun 2021, Bahagian Pengurusan Kualiti (BPK), Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat (CDPK) diberi tanggungjawab untuk menganalisis hasil laporan berkaitan Indeks Kepuasan Kakitangan (ESI) dan Indeks Kepuasan Pelanggan (CSI).

Mesyuarat Penyelarasan Analisis Indeks Kepuasan Kakitangan (ESI) dan Indeks Kepuasan Pelanggan (CSI) Bil.1 Tahun 2021 telah diadakan pada 17 Februari 2021 yang bertempat di Bilik Bincang 3, Aras 31, Menara Kerja Raya (Blok G).



MESYUARAT

PENYELARASAN ANUGERAH KONTRAKTOR CEMERLANG KATEGORI PEMBINAAN HIJAU DAN KATEGORI PENGURUSAN TRAFIK DI TAPAK BINA BAGI PROJEK JALAN




MESYUARAT

Mesyuarat telah diadakan pada 19 Mei 2021 bertempat di Bilik Mesyuarat Berlian, Aras 2, Menara Kerja Raya dan dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Pengarah CDPK.



Mesyuarat ini diadakan bertujuan untuk membincangkan senarai serta tapisan penyertaan anugerah dan pembentangan Jadual Penilaian serta Tatacara Penilaian Anugerah Kontraktor Cemerlang sempena Persidangan Pegawai Kanan (SOC) 2021.

MESYUARAT GARIS PANDUAN ANUGERAH INOVASI
JKR MALAYSIA




Pada 30 Jun 2021, satu Mesyuarat Garis Panduan Anugerah Inovasi JKR Malaysia telah diadakan secara dalam talian yang dipengerusikan oleh YBrs. Haji Abdul Rani bin Harun, Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti, Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat (CDPK) selaku Urusetia Induk Anugerah JKR Malaysia.

Mesyuarat telah dihadiri oleh wakil yang terlibat bagi menyemak dan menambahbaik garis panduan sedia ada yang melibatkan peraturan dan pekeliling yang terkini.

Selain itu, tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk membincangkan hasil semakan Garis Panduan Anugerah Inovasi JKR Malaysia sempena Hari Inovasi anjuran Jabatan yang dirancang akan diadakan pada bulan Oktober 2021.

Antara senarai anugerah inovasi JKR Malaysia yang akan dipertandingkan adalah :

1. Anugerah Inovasi Pengurusan Pejabat Terbaik
 2. Anugerah Inovasi Pengurusan JKR Daerah Terbaik
 3. Anugerah Inovasi Pengurusan Pembinaan Terbaik
 - Kategori Projek RM500 Ribu hingga RM20 Juta
 - Kategori Projek melebihi RM20 Juta
 4. Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Terbaik
 5. Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) – Kategori Teknikal
 6. Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) – Kategori Pengurusan



MESYUARAT JAWATANKUASA EKSA MENARA KERJA RAYA (BLOK G) BIL.1/2021



Mesyuarat Jawatankuasa Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Menara Kerja Raya (Blok G) Bil.1/2021 telah diadakan pada 30 Jun 2021 secara dalam talian. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YBrs. Haji Abdul Rani bin Harun, Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti, Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat (CDPK) selaku penyelaras EKSA bagi Menara Kerja Raya (Blok G).



Mesyuarat dihadiri oleh semua Penyelaras EKSA Cawangan di Menara Kerja Raya (Blok G) iaitu Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat (CDPK), Cawangan Kejuruteraan Awam dan Struktur (CKAS), Cawangan Kejuruteraan Mekanikal (CKM), Cawangan Kejuruteraan Elektrik (CKE) dan Cawangan Kerja Kesihatan (CKK).

Mesyuarat diadakan adalah bertujuan untuk membentangkan perancangan pelaksanaan EKSA di Menara Kerja Raya (Blok G) memandangkan pensijilan semula oleh pihak MAMPU adalah pada bulan Oktober 2021.



MAJLIS PENYAMPAIAN PEMENANG PEMBENTANGAN PROJEK INOVASI CDPK TAHUN 2020

Majlis Penyampaian Sijil kepada Pemenang Projek Inovasi Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat (CDPK) telah diadakan pada 8 April 2021 bertempat di Pejabat Menteri Kerja Raya, Aras 35, Menara Kerja Raya (Blok G).



Majlis penyampaian ini telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Pengarah CDPK kepada pemenang projek inovasi CDPK Tahun 2020. Projek Inovasi CDPK Tahun 2020 telah dimenangi oleh Bahagian Pengurusan Khidmat Sokongan (tempat pertama), Bahagian Pengurusan Kualiti (tempat kedua) dan Bahagian Pembangunan Skim Kejuruteraan (tempat ketiga).

Sesi pembentangan projek inovasi ini telah diadakan dan dinilai oleh YBhg. Dato' Pengarah CDPK dan semua Ketua Bahagian yang dilantik sebagai panel penilai. Tambahan pula, pemenang projek inovasi ini akan mewakili cawangan bagi menyertai Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) JKR Malaysia Tahun 2021.



BENGKEL

KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) CAWANGAN DASAR DAN PENGURUSAN KORPORAT (CDPK) TAHUN 2021

Bengkel Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat (CDPK) anjuran Bahagian Pengurusan Kualiti telah diadakan pada 6 hingga 7 April 2021 yang bertempat di Bilik Latihan Hibiscus, Menara PJD, Ibu Pejabat JKR Malaysia. Bengkel ini disampaikan oleh En. Hamdan bin Mohd Yusof, Pegawai Bomba WP Putrajaya yang merupakan salah seorang ahli panel penilai KIK JKR Malaysia Tahun 2020.

Bengkel ini disertai seramai empat puluh (40) orang pegawai JKR iaitu terdiri daripada ahli kumpulan KIK yang mewakili CDPK dan penyelaras inovasi bahagian. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk memberi penjelasan berhubung tatacara pengurusan berkaitan metodologi Penghasilan dan Dokumentasi Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) selaras dengan Pekelingking Transformasi Perkhidmatan Awam Bil.1 Tahun 2016 iaitu Panduan pembudayaan dan Pemerkasaan Inovasi Dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baru Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK).



KURSUS

AUDITOR EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)



Kursus Auditor EKSA diadakan pada 1-2 April 2021 bertempat di Bilik Kuliah Al-Battani, CREaTE. Peserta kursus adalah seramai 12 orang yang terdiri daripada wakil-wakil cawangan dari Ibu Pejabat. Kursus diadakan bertujuan untuk memberi penerangan terperinci tentang skop audit kepada auditor EKSA. Pihak urusetia telah menjemput Tuan Azman bin Yaacob iaitu Penolong Kanan Pengarah Kastam dari Jabatan Kastam DiRaja Malaysia Melaka sebagai penceramah.

Pada hari kedua kursus peserta telah dibawa melawat ke Pejabat Kastam DiRaja Malaysia Melaka yang terletak di Ayer Keroh bagi melihat sendiri pelaksanaan EKSA di bangunan berkenaan.



MANUAL AMALAN EKSA EDISI KEDUA



Edisi Pertama
Keluaran Tahun 2015



Edisi Kedua
Keluaran Tahun 2021

ISI KANDUNGAN MANUAL AMALAN EKSA DIKEMASKINI SELARI DENGAN MANUAL EKSA YANG DIKELUARKAN OLEH MAMPU

PENAMBABAIIKAN DARI SEGI PEMBENTUKAN JAWATANKUASA EKSA DI PERINGKAT IBU PEJABAT JKR MALAYSIA

AMALAN 5S DIGUGURKAN DAN FOKUS KEPADA 5 ELEMEN BAHRU EKSA

DISERTAKAN CONTOH KESERAGAMAN DI BAHAGIAN LAMPIRAN UNTUK PANDUAN

AMALAN BAHRU EKSA



DIGUNAPAKAI UNTUK
KESEMUA
10 BANGUNAN IBU PEJABAT
JKR
MALAYSIA



1. IMEJ KORPORAT
2. KREATIVITI DAN INOVASI
3. AMALAN HIJAU
4. PERSEKITARAN KONDUSIF
5. KEPELBAGAIAN AGENSI

CONTOH KESERAGAMAN



PELABELAN YANG
SERAGAM DI LACI
PEDESTAL



TANDA ARAH LALUAN
KECEMASAN YANG
DISELARASKAN
250mm x 80mm



HIASAN YANG MINIMAL
DAN TIDAK
MENGANGGU DI RUANG
KERJA



LENSA PEJABAT

JANUARI HINGGA MAC



Hari Ulang Tahun untuk Pegawai di bulan Januari - Mac



Sesi fotografi untuk Pelan Bisnes
CDPK 2021-2023



LENSA PEJABAT

APRIL HINGGA JUN



Jamuan sempena pertukaran
pegawai BPK



Hari Ulang Tahun untuk Pegawai di bulan April - Jun





**BAHAGIAN PENGURUSAN KUALITI
CAWANGAN DASAR DAN PENGURUSAN KORPORAT
TINGKAT 31, MENARA KERJA RAYA (BLOK G)
IBU PEJABAT JKR MALAYSIA
JALAN SULTAN SALAHUDDIN
50480 KUALA LUMPUR
Emel : kualiti@jkr.gov.my**

www.jkr.gov.my/spb

www.facebook.com/

<https://twitter.com/>